



03 JAN, 2025

TNB sasar pertahan Piala Sumbangsih

Harian Metro, Malaysia



Oleh Amirul Fazli
Zulkafli
sukan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Pasukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) melaungkan amaran awal mereka akan turun mempertahankan kejuaraan Piala Sumbangsih dalam aksi pembukaan di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil (SHNBj), esok.

Jurulatih TNB, Nor Saiful Zaini Nasiruddin berkata, beliau menyedari ia bukan tugas mudah untuk mempertahankan piala itu namun dia tetap yakin dengan barisan pemainnya yang akan turun menentang Pasukan Hoki Terengganu (THT) nanti.

"Tahun lepas kita menang treble dan itu pertama kali kita menang (da-

TNB sasar pertahan Piala Sumbangsih

lam tempoh 21 tahun). Ia kemenangan besar buat TNB dan kita mahu menampilkan prestasi terbaik dan juga menang setiap perlawanan.

"Sasaran kita sama seperti mana tahun lepas, kita cuba mengekalkan kejuaraan dan saya tahu ia bukan mudah kerana tahun lepas kita menang Piala Sumbangsih pun menerusi penentuan shoot out 3-1 selepas terikat (2-2) dalam masa sebenar.

"Begitu juga dengan kejuaraan Liga Hoki Malaysia (MHL) pun mata sama tapi perbezaan jaringan kita lebih baik. Tahun ini THT pun saya lihat ada ambil dua pemain import, satu



NOR Saiful (dua dari kiri) pada sidang media menjelang perlawanan Piala Sumbangsih di SHNBj, semalam.

dari Korea Selatan dan Afrika Selatan selain mengekalkan pemain lama.

"Kita perlu bekerja keras

dan bermain sebaik mungkin untuk mendapatkan Piala Sumbangsih, itu adalah sasaran kita," katanya pada

sidang media menjelang perlawanan Piala Sumbangsih, di SHNBj, semalam.

Untuk rekod, TNB ber-

jaya merampas gelaran juara Piala Sumbangsih 2024 daripada THT selepas meraih kemenangan 3-1 menerusi penentuan shoot out selain turut memenangi Piala TNB dan juara MHL 2024.

Tambahnya, beliau menyedari tekanan sudah pasti akan lebih dirasai oleh pemainnya kerana mereka akan turun dengan status pasukan yang menang kesemua piala tahun lepas.

"Kita sedar kita memegang status selaku pasukan treble dan pastinya sedikit sebanyak memberi tekanan. Tetapi saya tidak mahu pemain merasainya kerana fokus utama untuk memberikan aksi terbaik dan cuba mengelakkan kesilapan dalam perlawanan," katanya.